

06/10/1998

150,000 dijangka hadiri perhimpunan

Ahmad Burak; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Perhimpunan Perdana di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 10 Oktober ini dijangka dihadiri lebih 150,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai yang menyokong kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Perhimpunan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata perhimpunan itu yang dirancang diadakan oleh Pergerakan Pemuda BN kini diperluas kepada program lebih besar untuk membuktikan sokongan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Perdana Menteri memutuskan supaya perhimpunan berkenaan diadakan bagi menggambarkan dokongan, sokongan dan penyertaan menyeluruh semua parti komponen BN kepada kerajaan.

"Perhimpunan ini dianggap satu perhimpunan sangat penting dan Datuk Seri Dr Mahathir meminta supaya program ini diselaraskan sebaik mungkin dan diberi kerjasama sebaik mungkin oleh anggota dalam parti.

"Sasaran penyertaan ialah 150,000. Kita sudah berunding dengan Umno dan parti komponen BN dan gambaran yang diterima adalah positif kerana semangat cukup kuat serta sambutan cukup kuat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Setiausaha Agung dan Setiausaha Pemuda BN, di sini hari ini.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, Dr Mahathir dijangka tiba di Stadium Nasional pada jam 4.50 petang.

"Bagaimanapun, orang ramai akan hadir lebih awal lagi iaitu pada jam dua petang. Bagaimanapun, acara sebenarnya akan bermula jam 4.50 petang dan dijangka berakhir pada 6.50 petang," katanya.

Beliau turut meminta ahli Umno dan anggota parti komponen BN yang menyertai program supaya menggunakan pengangkutan awam yang disediakan bahagian dan perhubungan BN negeri.

"Mereka juga digalakkan menggunakan kenderaan sendiri dan saya difahamkan ada negeri menyewa kereta api. Ada juga gunakan motosikal besar," katanya.

Menurut Najib, sasaran utama ialah untuk mendapatkan 150,000 peserta dengan Umno menghantar 150,000 orang diikuti MCA dengan 30,000 orang), MIC (10,000) dan Gerakan (10,000).

"Kita mahu memberi gambaran bahawa sokongan kepada Perdana Menteri dan Presiden parti dalam isu ini tidak terhakis. Sokongan itu adalah teguh, kuat dan menyeluruh.

"Ia mesti memberi gambaran kepada dunia luar bahawa jangan mereka anggap kekuatan Perdana Menteri sudah terhakis atau meleset (dalam suasana) sekarang," katanya.

Menjawab soalan, Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, permit untuk mengadakan Perhimpunan Perdana itu akan diperolehi daripada polis.

"Kita membuat sesuatu dalam keadaan teratur sebagai penjelasan mengenai dasar dan keputusan kerajaan.

"Perjumpaan yang dibuat oleh pihak lain adalah dalam bentuk hasutan dan ceramah yang boleh membangkit atau membakar perasaan untuk menolak sistem pemerintahan kita dan segala dasar kerajaan.

"Kita tak boleh disamakan dengan mereka (yang tidak mendapat permit) bergerak dalam keadaan semasa ketika ini," katanya.

(END)

